



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
14 Jamadilakhir 1442 / 28 Januari 2021

- I. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 14 Jamadilakhir 1442H bersamaan dengan 28 Januari 2021, **empat kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 180 orang.**
 - Kes 177 ialah seorang anak damit lelaki berumur 10 bulan yang telah tiba ke negara ini daripada India pada 15 Januari 2021 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI4112.
 - Kes 178 ialah seorang perempuan berumur 26 tahun yang merupakan ibu saudara kepada Kes 177. Beliau juga telah tiba

ke negara ini daripada India pada 15 Januari 2021 dengan menaiki Penerbangan Diraja Brunei BI4112.

- Kes 179 ialah seorang lelaki berumur 28 tahun yang telah tiba ke negara ini daripada Indonesia melalui Singapura pada 15 Januari 2021 dengan menaiki penerbangan *Singapore Airlines SQ148*.
 - Kes 180 ialah seorang perempuan berumur 29 tahun yang telah tiba ke negara ini daripada Dubai melalui Singapura pada 25 Januari 2021 dengan menaiki penerbangan *Singapore Airlines SQ148*.
 - Kesemua kes-kes baru ini sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan manakala pengesanan kontak (*contact tracing*) masih giat dijalankan.
2. Dengan pengesanan kes-kes baru ini, sebanyak 39 kes import telah disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020 yang mana dengan ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan 267 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan telah mendapati terdapatnya peningkatan tren jangkitan COVID-19 yang dilaporkan di negara ini

di mana kesemuanya melibatkan kes-kes import. Perkara ini adalah selari dengan pertambahan kes-kes COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, langkah-langkah pengawalan yang ketat yang dilaksanakan setakat ini di pintu-pintu masuk ke Negara Brunei Darussalam seperti kurantin dan ujian makmal telah dapat mengawal jangkitan tersebut daripada merebak di negara ini.

3. Mengenai dengan kes-kes yang telah sembuh, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa satu kes terdahulu yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh yang membawa jumlah keseluruhan yang sembuh kepada **170 orang**.
4. Dengan perkembangan terbaru ini, terdapat 7 kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan di mana kesemuanya adalah dalam keadaan baik.
5. Pada hari ini, seramai **599** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **12,008** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

6. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **515** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **90,972** ujian.
7. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing semasa pandemik ini. Selain itu, orang ramai adalah juga disarankan untuk sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan penduduk Negara Brunei Darussalam dengan memastikan mereka tidak melanggar peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini.
8. Kementerian Kesihatan juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai arahan berjaga-jaga semasa perayaan Tahun Baru Cina yang akan menjelang tidak lama lagi seperti berikut:
 - Sambutan perayaan Tahun Baru Cina hanya diadakan dengan ahli keluarga terdekat sahaja.
 - Majlis "Majlis Rumah Terbuka" yang lain adalah tidak dibenarkan.

- Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau merasa tidak sihat adalah ditegah untuk menziarahi atau diziarahi oleh keluarga terdekat.
 - Amalan bersalaman dengan berjabat tangan dan berpelukan hendaklah dielakkan; memadai dengan memberikan isyarat salam dengan meletakkan tangan di atas dada, memberikan senyuman atau menganggukkan kepala sebagai tanda hormat dan salam. Elakkan sedaya upaya dari menyentuh atau membuat kontak fizikal dengan orang lain.
 - Pastikan kebersihan peribadi dan persekitaran sentiasa bersih dan terjaga terutama sekali kebersihan tangan.
 - Amalkan etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa.
 - Elakkan daripada berkongsi peralatan makan dan minum seperti sudu, garpu, piring dan cawan.
9. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 14 Jamadilakhir 1442H / 28 Januari 2021